

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 JUN 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 9

Rangka tambang ECRL berpatutan

Rangka tambang ECRL berpatutan

PM minta Kementerian Pengangkutan bincang dengan pihak berkepentingan elak tambang terlalu mahal

BENTONG

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Kementerian Pengangkutan diminta berbincang dengan pihak berkepentingan bagi merangka kadar tambang yang amat berpatutan untuk perkhidmatan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang dijangka mula beroperasi pada Januari 2027.

Beliau berkata, kadar itu seperti tambang perkhidmatan tren elektrik (ETS) Keretapi Tanah Melayu Berhad yang disifatkan 'mesra rakyat' dan bukan seperti dakwaan yang telah mula disebarluaskan di media sosial kongonnya tambang ECRL kelak adalah terlalu mahal.

Selain itu, Ismail Sabri berkata, Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) juga difahamkan bakal menjana pendapatan sampingan yang dapat menampung kos pengoperasian dan bayaran balik pinjaman pembinaan Projek ECRL daripada China EXIM Bank.

"Sehubungan itu, sebuah syarikat usaha sama dengan nisbah kepentingan 50:50 antara MRL dan China Communications Construction Company Ltd (CCCC) sedang dirancang penubuhannya bagi menyajikan pengendalian operasi perkhidmatan ECRL termasuk menanggung kos dan risiko operasi secara bersama.

Syarikat usaha sama ini bakal menyediakan bantuan teknikal dan memperbaikkan pemindahan teknologi kereta api serta bersama-sama mengendali dan menyelenggarakan ECRL untuk jangka masa panjang," katanya dalam ucapan perasmian Perasmian Pembinaan Terowong Genting ECRL Pahang di tapak pembinaannya di sini pada Khamis.

Menyifatkan ECRL sebagai pencetus



ISMAL SABRI

perubahan atau *game changer*, Ismail Sabri berkata, perkhidmatannya dengan kelajuan 160 kilometer (km) sejarni menawarkan jalinan pengangkutan yang lebih moden, selamat dan efisien ke Pantai Timur.

Projek ECRL itu juga disifatkan Ismail Sabri berpotensi melahirkan lebih ramai warga tempatan yang berkemahiran dalam bidang industri rel melalui Program Latihan Kemahiran Industri ECRL (PLKI-ECRL) yang dijangka membuka peluang kepada 5,000 anak muda dari Pantai Timur.

Mengulas mengenai Terowong Genting ECRL, Ismail Sabri berkata, pembinaan terowong berkembar sepanjang 16.39 km yang merupakan terowong rel terpanjang di rantau ini, merupakan antara komponen utama Projek ECRL kerana ia dapat melengkapkan jambatan darat bagi pengangkutan kargo dari Pelabuhan Kuantan ke Pelabuhan Klang.

Terowong itu yang dijangka siap dalam tempoh antara dua tahun setengah ke tiga tahun merupakan satu-satunya daripada

penggerudian 59 terowong menggunakan kaedah Mesin Pengorek Terowong (TBM) berbanding kaedah gerudi dan letup bagi terowong lain sebelum ini.

Sementara itu, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong memaklumkan kerja-kerja pembinaan ECRL sudah mencapai kemajuan 30 peratus setakat Mei.

Beliau berkata, kemajuan pembinaan projek itu kini pada tahap yang meyakinkan kan untuk mencapai sasaran sebanyak 37 peratus menjelang akhir tahun ini.

Menurutnya, perkembangan itu didorong oleh kerja infrastruktur di empat negeri yang merangkumi jajaran Seksyen A dari Kota Bharu ke Dungun, Seksyen B dari Dungun ke Mentakab dan Seksyen C dari Mentakab ke Pelabuhan Klang.

"Kerja infrastruktur Projek ECRL berjalan secara serentak di ketiga-tiga Seksyen A, B dan C serta sedang dilaksanakan dengan lancar di lebih 300 kawasan kerja di sepanjang jajaran 665 kilometer.

"Bilangan kawasan kerja akan terus meningkat menjelang kemuncak pembinaan pada 2023...sebanyak 23,000 tenaga kerja diperlukan untuk membina Projek ECRL dengan lebih efektif," kata beliau. - Bernama